

Pencuri tak pernah serik

H.M 24/06/08 M/s 25

Curi kali keempat selepas enam minggu keluar penjara

LONDON: Seorang lelaki dirakam menerusi kamera litar tertutup ketika mencuri alat sistem navigasi satelit dari kereta polis buat kali ketiga dalam tempoh empat bulan.

James Milsom, 21, memecah masuk ke dalam kereta itu, hanya enam minggu selepas dibebaskan dari penjara kerana mencuri peralatan sama daripada sebuah kereta polis.

Rakaman CCTV itu menunjukkan dia hanya mengambil masa enam saat untuk memecah tingkap dan mengambil peralatan berkenaan da-

ripada kenderaan itu di Jalan Cumberland, London, sebelum melarikan diri.

Milsom yang berasal dari Mangotsfield, Gloucestershire, dibebaskan dari penjara tidak sampai enam minggu lalu.

Itu adalah kali ketiga dalam tempoh empat bulan dia ditangkap mencuri.

Menurut polis, pada Februari dan Mac lalu, dia dirakam memecah kereta di Jalan Queen Charlotte dan Tyndalls.

Kerana perbuatan terbaru-nya semalam, dia dihukum penjara 14 minggu lagi.

“Sebahagian gambar yang kami peroleh menerusi CCTV dalam kereta itu amat jelas.

“Tidak syak lagi siapa pencurinya dan apa yang dilakukannya.

“Dengan bukti sejasas itu, tidak ada apa yang boleh dilakukannya, kecuali mengaku bersalah.

“Gambar seperti itu bukan setakat membolehkan kami menangkap si pencuri, malah ia juga membawa kepada pembeli barangan curi,” kata Penguasa Polis Daerah Bristol, Avon dan Somerset, Ian Wylie. - Agensi